

# Pak Lah pikat wakil asing

Gaya, karisma Perdana Menteri mampu pacu Malaysia jadi lebih makmur

**K**UALA LUMPUR: Pemimpin asing yang menghadiri majlis pembukaan Perhimpunan Agung Umno, percaya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai iltizam untuk membangunkan Malaysia sehingga menjadi negara maju.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, KPH Rusdiharjo, berkata Abdullah yang juga Presiden Umno amat serius membangunkan negara menerusi pelbagai strategi mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Dalam ucapan dasar menggariskan pembangunan serampang ekonomi banyak mata ini, rakyat Indonesia juga mendapat manfaat dengan berkhidmat dalam pelbagai sektor," katanya.

Naib Menteri Pejabat Penyelidikan China, Fang Li, yang mewakili Parti Komunis China, berkata delegasinya memahami struktur pentadbiran Umno dan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang melaksanakan perkongsian kuasa untuk membangunkan negara.

"Kerjasama rapat ini akan diperinci dalam sidang kemuncak atau pertemuan lain seperti yang diadakan di Nanning sebelum ini," katanya yang berada di sini bersama lima delegasi parti berkenaan.

Duta Republik Iran, Mahdi Khandagh Abadi, berkata kepemimpinan Abdullah memberi impak kepada dunia Islam menerusi Islam Hadhari.

"Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), beliau menunjukkan kepemimpinan dan hala

tuju serta pendekatan sangat komprehensif untuk kebaikan dan kesejahteraan negara Islam," katanya.

Duta Kemboja ke Brunei Darussalam, Nan Sy berharap Umno terus memimpin Malaysia.

"Umno bukan saja mengukuhkan de-

mokrasi di negara ini, malah membawanya ke satu tahap tinggi," katanya.

Naib Presiden Yayasan Sokongan Vostok, Valentin Borisovich Bogaytrev dari Republik Chech, berkata Abdullah pemimpin berkarisma dan kepemimpinannya membawa Malaysia lebih

maju berbanding negara Asia lain.

"Ucapan beliau sangat bertenaga dan memberi isi bagus," katanya.

Pegawai Jabatan Hubungan Antarabangsa dan Keselamatan Partai Golongan Karya (Golkar), M Yan Hिकास, berkata pembangunan negara ini

menjadi inspirasi parti itu.

Wakil Palestin dari kumpulan Fatah, Emad Al Agha, berharap Malaysia sebagai Pengerusi OIC menyuarakan kebimbangan rakyat Palestin yang menjadi mangsa keganasan Israel.